

Manhaj Kemenangan Umat Islam dalam al-Quran: Kajian Tafsir Tematik terhadap Ayat-Ayat Terpilih

[Principles of Muslim Victory in the Quran: A Thematic Interpretation Study of Selected Verses]

**Saufi Haji Abdullah¹, Amrina Rasyada Kamaruzaman², Wan Nurul Nadiah
Wan Zulkifli³, Nur Arina Aisyah Mohd Zeini⁴, Munirah Nabihah Salleh⁵ &
Mohammad Arash Amran⁶**

- ¹ (Corresponding Author) Fakulti Usuluddin dan al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, Malaysia, saufihajiabdullah@gmail.com
- ² Fakulti Usuluddin dan al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, Malaysia, amrina.rasyada93@gmail.com
- ³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Malaysia, wnnadiahzulkifli@gmail.com
- ⁴ Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Malaysia, aisyahsnow95@gmail.com
- ⁵ Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Malaysia, munirahsalleh1313@gmail.com
- ⁶ Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Malaysia, arashamran811@gmail.com

ABSTRACT

This study aims to analyze the Quranic methodology in charting the path to victory for Muslims. The research was conducted using thematic interpretation (mawdu'i) and content analysis of Quranic verses related to the theme of victory. This study identified eight main principles that form the path to victory according to the Quranic perspective. The approach used was qualitative and literature by using thematic interpretation methods to analyze Quranic verses related to the concept of victory. The study findings show that victory according to the Quran is not just a material or military phenomenon, but rather the result of a comprehensive system that includes sincere faith, sacrifice of life and property, jihad as a manifestation of faith, preparation of physical and spiritual strength, clarity of purpose of struggle, unity and discipline of the ranks, belief in the promises of Allah Subhanahu wa Taala: and full trust in Him. This study concludes that the appreciation of these principles in a comprehensive manner is a major prerequisite for Muslims to achieve true victory in various dimensions of life. The results of this study also provide practical implications as a guide in formulating a comprehensive ummah empowerment strategy.

Keywords: *al-Quran; victory; manhaj; jihad; tawakal*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis manhaj al-Quran dalam melakar jalan menuju kemenangan bagi umat Islam. Penelitian dilakukan menggunakan pendekatan tafsir tematik (*maudhu'i*) dan analisis kandungan terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema kemenangan. Kajian ini mengenal pasti lapan asas utama yang membentuk jalan kemenangan menurut perspektif al-Quran. Pendekatan yang digunakan adalah secara kualitatif dan kepustakaan dengan menggunakan kaedah tafsir tematik bagi menganalisis ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan konsep kemenangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemenangan menurut al-Quran bukan sekadar fenomena material atau ketenteraan, bahkan merupakan hasil daripada suatu sistem yang menyeluruh yang merangkumi keimanan yang tulus, pengorbanan jiwa dan harta, jihad sebagai manifestasi iman, persiapan kekuatan fizikal dan spiritual, kejelasan tujuan perjuangan, kesatuan dan disiplin barisan, keyakinan terhadap janji Allah Subhanahu wa Taala serta tawakal yang penuh kepada-Nya. Kajian ini menyimpulkan bahawa penghayatan prinsip-prinsip ini secara menyeluruh merupakan prasyarat utama bagi umat Islam mencapai kemenangan yang hakiki dalam pelbagai dimensi kehidupan. Hasil kajian ini juga memberi implikasi praktikal sebagai panduan dalam merangka strategi pemerkasaan ummah secara menyeluruh.

Kata Kunci: al-Quran; kemenangan; manhaj; jihad; tawakal

How to Cite:

Received: 12-04-2026

Accepted: 26-06-2026

Published: 29-06-2026

Haji Abdullah, S., Kamaruzaman, A. R., Wan Zulkifli, W. N. N., Mohd Zeini, N. A. A., Salleh, M. N., & Amran, M. A. (2026). Manhaj kemenangan umat Islam dalam al-Quran: Kajian tafsir tematik terhadap ayat-ayat terpilih. *FURQANICA: Journal of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah (JUQS)*, 2(1), 41–58.

1. Pendahuluan

Kemenangan merupakan dambaan setiap umat yang berjuang untuk mempertahankan hak, maruah dan nilai-nilai kebenaran. Dalam konteks Islam, kemenangan bukan sahaja difahami sebagai kemenangan fizikal dalam medan peperangan, tetapi merangkumi dimensi yang lebih luas dan mendalam, iaitu kemenangan yang mencakupi aspek rohaniah, moral, sosial dan peradaban. Al-Quran sebagai sumber wahyu yang agung telah menggaris dengan jelas manhaj atau jalan yang membawa kepada kemenangan tersebut.

Seterusnya, kemenangan secara asasnya terbahagi kepada dua aspek iaitu kemenangan dalam kehidupan di dunia dan kemenangan dalam

kehidupan akhirat. Kemenangan di dunia merangkumi kepada pencapaian seperti harta, kedudukan serta pemilikan harta benda yang dinikmati sepanjang kehidupan di dunia. Manakala kemenangan akhirat merupakan kemenangan yang hanya dapat dicapai oleh seseorang yang sentiasa hidup dalam ketakwaan, berbuat baik sesama manusia, dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Taala. Hal ini selaras dengan firman Allah Subhanahu wa Taala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣٥﴾

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah yang boleh menyampaikan kepadaNya (dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan.” (Q.S al-Māidah, 5: 35).

Ayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa kemenangan yang sebenar tidak terpisah daripada iman, usaha dan perjuangan yang berpaksikan kebenaran serta keredaan Allah Subhanahu wa Taala (Dahlia et al., 2024). Menurut al-Farabi, kemenangan dapat dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama ialah kemenangan yang bersifat jasmani. Peringkat yang kedua pula, kemenangan yang lebih tinggi dan lebih memuaskan, iaitu kemenangan yang bersifat intelektual melalui penguasaan ilmu pengetahuan. Manakala peringkat ketiga, yang merupakan kemenangan tertinggi (hakiki), ialah kemenangan yang bersifat spiritual. Kemenangan ini juga sering disebut sebagai kemenangan yang bersumberkan sifat Ilahi (Pohan, 2024).

Kajian tentang konsep kemenangan dalam al-Quran telah menarik perhatian ramai sarjana Islam. Di antara mereka ialah al-Qaradawi (1994) yang menghuraikan syarat-syarat kemenangan Islam dari perspektif maqasid syariah, Qutb (2000) yang menganalisis dimensi aqidah dalam membentuk keperibadian pejuang, serta Sa'id Hawwa (1999) yang membahaskan kaitan antara tarbiyyah ruhiyyah dengan kejayaan perjuangan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu secara umumnya tidak menghimpunkan keseluruhan asas-asas kemenangan secara sistematik dan tematik berdasarkan ayat-ayat al-Quran.

Sehubungan itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan memfokuskan analisis yang komprehensif terhadap manhaj al-Quran dalam menjelaskan konsep kemenangan. Kajian ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif khusus, iaitu: (1) mengenal pasti asas-asas utama kemenangan yang digariskan al-Quran; (2) menganalisis hubungan antara setiap asas tersebut;

dan (3) membincangkan implikasi prinsip-prinsip ini bagi realiti umat Islam semasa.

2. Konsep Kajian

2.1 Al-Quran Manhaj Umat Islam

Al-Quran merupakan sumber utama yang berperanan sebagai manhaj kehidupan bagi umat Islam dalam seluruh aspek kehidupan. Melalui kandungan ajarannya yang menyeluruh, Al-Quran bukan sahaja berfungsi sebagai panduan akidah dan ibadah, malah menjadi rujukan utama dalam membentuk kaedah, pendekatan serta hala tuju kehidupan manusia. Justeru, konsep manhaj yang terkandung dalam al-Quran perlu difahami secara mendalam kerana ia menjadi asas kepada sistem kehidupan Islam yang jelas, tersusun dan berteraskan wahyu Ilahi.

Al-Quran dari segi bahasa berasal daripada kata *qara'a*, *yaqra'u*, *qirā'atan* atau *qur'ānan* yang membawa maksud mengumpulkan (*al-jam'u*) dan menghimpunkan (*al-dhamm*) huruf-huruf serta perkataan daripada satu bahagian ke bahagian yang lain secara tersusun. Ia dinamakan sebagai al-Quran, hal ini kerana mengandungi kandungan utama semua kitab Allah serta menghimpunkan intisari kepada pelbagai disiplin ilmu. Walau bagaimanapun, para ulama mempunyai pandangan yang berbeza berkaitan asal-usul istilah al-Quran. Sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa istilah al-Quran bukan berasal dari kata terbitan (*musytaq*) daripada *qara'a*, sebaliknya merupakan isim 'alam (nama khas) bagi kitab yang mulia, sebagaimana penamaan Taurat dan Injil. Penamaan tersebut dikhususkan bagi Kitab Suci yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW.

Menurut tatabahasa Arab, perkataan al-Quran difahami sebagai kata nama terbitan (masdar) yang berasal daripada perkataan *qara'a*, yang membawa pengertian membaca atau bacaan, seerti dengan *qirā'ah*. Tafsiran ini selari dengan prinsip bahasa Arab dan disokong oleh penggunaan lafaz al-Quran dalam beberapa ayat al-Quran. Antaranya ialah firman Allah Subhanahu wa Taala:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ﴿٧٥﴾ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ﴿٧٦﴾

Terjemahan: “Sesungguhnya Kami-lah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu. (Q.S. al-Qiyamah, 75: 17-18).

Manhaj merupakan istilah yang berasal daripada Bahasa Arab yang membawa maksud kaedah atau cara. Istilah ini juga mempunyai makna yang hampir sama dengan kalimah *uslub*. Ibnu Faris menyatakan perkataan manhaj ini membawa dua makna. Pertama, manhaj merujuk kepada jalan yang menjelaskan sesuatu perkara. Kedua, ia bermaksud perhentian yang menggambarkan laluan yang jelas dan nyata (Che Nur Hasyimah Che Hasanusi dan Khazri Osman, 2022).

Dalam kajian Lujen Lutfiyah dan Moh. Sahlul Khuluq (2023), istilah *al-manhaj* dari sudut etimologi berasal daripada akar kata *nahaja–yanhaju–manhajan* yang membawa maksud jalan, cara atau kaedah. Menurut Samsurrohman, manhaj merujuk kepada laluan yang perlu ditempuh bagi mencapai sesuatu matlamat yang ditetapkan. Seiring dengan itu, Raghīb al-Asfahani serta Dr. Saleh Abdul Fatah menjelaskan bahawa *al-manhaj* bermaksud suatu jalan yang terang dan jelas. Istilah manhaj juga disebut minhāj sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Māidah ayat 48:

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا ﴿٤٨﴾

Terjemahan: Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan ugama (yang wajib diikuti oleh masing-masing) (Q.S. al-Māidah, 5: 48).

Dari sudut istilah pula, *manhaj* ditakrifkan sebagai suatu pendekatan atau cara yang jelas dalam menyampaikan, melaksanakan atau mempelajari sesuatu perkara, dibina berasaskan prinsip serta sistem tertentu bagi mencapai tujuan yang telah ditentukan. Makna "manhaj" ini dapat dihuraikan dalam dua pengertian. Pertama, makna secara literal ia merujuk kepada suatu laluan yang nyata, lurus dan dapat dikenalpasti serta dilalui oleh manusia. Kedua, makna secara konseptual, manhaj merujuk kepada jalan atau kaedah yang tersusun dan sistematik bagi mencapai objektif dalam konteks penelitian tertentu dengan berpandukan peraturan yang ditetapkan.

2.2 Tafsir Tematik (*Maudhu'i*)

Tafsir *maudhu'i* terdiri daripada dua perkataan, iaitu "*Tafsir*" dan "*Maudhu'i*". Dari segi bahasa, *tafsir* bermaksud pendedahan dan penjelasan. Menurut pandangan al-Raghīb al-Asfahani, tafsir ialah suatu proses untuk menjelaskan makna yang dapat difahami. Manakala dari segi istilah pula, tafsir merujuk kepada suatu ilmu yang berperanan menghuraikan maksud ayat-ayat al-Quran serta menyingkap kehendak Allah Subhanahu wa Taala yang terkandung di dalamnya berdasarkan batas kemampuan pemahaman manusia.

Sementara itu, dari aspek etimologi, perkataan "*Maudhui*" berasal daripada kata "*al-Wadh'u*" yang membawa maksud meletakkan sesuatu pada kedudukannya yang tepat. Dari segi terminologi, *maudhu'i* merujuk kepada suatu tema atau topik tertentu yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia seperti akidah, akhlak, sosial dan alam sekitar, sebagaimana yang dihuraikan dalam ayat-ayat al-Quran. Dalam istilah tafsir pula, *tafsir maudhui* ditakrifkan sebagai suatu ilmu yang mengkaji tema-tema dalam al-Quran yang mempunyai persamaan dari segi makna dan tujuan. Kaedah ini melibatkan pengumpulan ayat-ayat yang berkaitan, kemudian menganalisis makna serta petunjuk al-Quran berlandaskan prinsip-prinsip penafsiran yang diterima (Hanifah et al., 2024).

Menurut pandangan Abdullah Al-Sattar, tafsir *maudhu'i* merupakan satu pendekatan yang mengumpulkan beberapa ayat al-Quran secara menyeluruh mengikut konteks dan sejarah penurunannya, dengan penekanan pada satu isu tertentu. Pendekatan ini kemudian menjelaskan secara ringkas berkenaan hukum-hakam dan kandungan yang terdapat di dalam ayat-ayat tersebut melalui metodologi yang menyeluruh sejajar dengan tema yang dikaji, disamping menilai secara menyeluruh pelbagai pandangan golongan liberal dan ajaran sesat mengenai Islam (Adi Pratama Awadin & Asep Taopik Hidayah, 2022).

Tafsir maudhu'i merupakan suatu pendekatan penafsiran al-Quran yang diperkenalkan oleh para ulama dengan tujuan memahami makna ayat-ayat al-Quran secara terperinci dan tersusun. Sehubungan dengan itu, para ulama telah mengemukakan pelbagai takrifan yang berbeza berkaitan tafsir *maudhu'i*, antaranya adalah seperti Abdullah al-Hayy al-Farmawi menjelaskan dalam karyanya menjelaskan bahawa tafsir *maudhu'i* merupakan istilah yang muncul dari ulama moden. Istilah ini merujuk pada kaedah penafsiran dengan menghimpunkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai makna yang sama, iaitu membahas satu topik tertentu. Kemudian ayat-ayat al-Quran tersebut disusun berdasarkan masa turunnya ayat serta sebab-sebab turunnya. Setelah penyusunan itu, para mufassir memberikan penjelasan, huraian, dan mengambil kesimpulan. Menurut Fahd ar-Rumi pula menyatakan bahawa tafsir *maudhu'i* ialah satu kaedah penafsiran menghimpun ayat-ayat al-Quran yang memiliki kesamaan tema atau persoalan, kemudian ditafsirkan dan mengambil kesimpulan hukum-hakam yang terkandung di dalamnya. Selain itu, metode ini juga tidak mentafsirkan ayat berdasarkan urutan sebagaimana tertib dalam mushaf. Seterusnya menurut Mustafa Muslim, *tafsir maudhu'i* merupakan suatu cabang ilmu yang mengkaji topik atau persoalan

yang sama berdasarkan maqāsid Al-Quraniyyah, baik yang terdapat dalam satu surah maupun lebih (Nazhifah dan Karimah, 2021).

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara kepustakaan. Kaedah tafsir tematik (tafsir *maudhu'i*) diaplikasikan bagi mengumpulkan dan menganalisis ayat-ayat al-Quran yang berkait dengan tema kemenangan. Kaedah ini, sebagaimana yang diuraikan oleh al-Farmawi (1977), melibatkan pengumpulan semua ayat yang berbincang tentang satu tema tertentu, kemudian menganalisisnya secara menyeluruh dengan mempertimbangkan *asbab al-nuzul*, munasabah antara ayat serta pandangan para mufasir.

Sumber primer kajian ini ialah al-Quran, manakala sumber sekunder merangkumi karya-karya tafsir muktabar seperti Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Tabari, Tafsir fi Zilal al-Quran, Tafsir al-Maraghi dan Tafsir al-Azhar. Analisis dilakukan secara induktif bagi mengenal pasti pola-pola yang membentuk manhaj kemenangan menurut al-Quran.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Iman dan Pengorbanan sebagai Asas Jalan Kemenangan

Al-Quran memulakan pembinaan jalan kemenangan dengan memperkukuhkan hubungan antara Allah Subhanahu wa Taala dan orang-orang beriman melalui suatu perjanjian iman yang berasaskan pengorbanan dan penyerahan diri sepenuhnya kepada-Nya. Asas ini dinyatakan secara jelas dalam firman Allah Subhanahu wa Taala:

وَإِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْفُرْقَانِ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بَبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١١٠﴾

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh Syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan Syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah

dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar. (Q.S. At-Taubah, 9: 111).

Ayat ini menggambarkan suatu perjanjian agung antara Allah dan orang beriman. Ibn Kathir (2003) dalam tafsirnya menjelaskan bahawa ayat ini merupakan satu kontrak ilahi yang luar biasa, di mana Allah Subhanahu wa Taala sendiri bertindak sebagai pembeli manakala nyawa dan harta orang beriman adalah barang dagangan yang amat bernilai, dengan syurga sebagai harganya. Qutb (2000) menambah bahawa perjanjian ini menandakan ketinggian martabat iman yang benar, kerana ia menuntut kesediaan mutlak untuk berkorban tanpa kedekut dan tanpa ragu.

Seiring dengan itu, al-Baydawi (1998) turut menghuraikan bahawa ayat ini menggambarkan suatu perjanjian antara Allah Subhanahu wa Taala dan orang-orang beriman, yang melalui perumpamaan “jual beli”. Dalam perjanjian ini, Allah Subhanahu wa Taala membeli jiwa dan harta orang mukmin dengan balasan syurga sebagai ganjaran atas pengorbanan mereka di jalan-Nya. Perjanjian ini berasaskan pengorbanan di jalan Allah dan ditegaskan sebagai janji yang benar, sebagaimana disebut dalam kitab-kitab samawi terdahulu dan dipastikan lagi dalam al-Quran. Oleh itu, perintah agar orang mukmin bergembira sebagai lambang kejayaan dan kemenangan yang sebenar, iaitu kejayaan memperoleh keredaan Allah serta kebahagiaan yang di akhirat.

Dengan demikian, iman yang disertai pengorbanan merupakan langkah pertama dan paling asas dalam perjalanan menuju kemenangan. Al-Qaradawi (1994) menegaskan bahawa tanpa asas ini, tidak mungkin sesebuah umat membina kekuatan sebenar yang mampu mengangkat martabat mereka di hadapan bangsa-bangsa lain. Pengorbanan dalam konteks ini bukan terhad kepada jihad bersenjata sahaja, bahkan merangkumi segala bentuk pengorbanan dalam mempertahankan dan menyebarkan nilai-nilai Islam.

4.2 Jihad sebagai Manifestasi Keimanan yang Benar

Al-Quran menegaskan bahawa iman yang benar tidak terpisah daripada kesungguhan berjuang di jalan Allah, bahkan keimanan itu perlu dizahirkan melalui tindakan dan pengorbanan. Hal ini menjelaskan bahawa tingkat keimanan seseorang menurut al-Quran bukan hanya sekadar pengakuan, tetapi dibuktikan melalui komitmen dan kesediaan untuk berjuang demi menegakkan kebenaran. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Hujurat, ayat 15:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ
وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿١٥﴾

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya). (Q:S Al-Hujuraat, 49: 15).

Al-Maraghi (1946) dalam tafsirnya menjelaskan bahawa ayat ini menggariskan tiga ciri mukmin yang benar: iman kepada Allah dan Rasul-Nya, ketiadaan keraguan dalam iman tersebut, dan jihad dengan harta dan jiwa. Ketiga-tiga ciri ini merupakan satu pakej yang tidak boleh dipisahkan. Seseorang yang mendakwa beriman tetapi enggan berjihad dalam bentuk yang sesuai dengan keadaannya dianggap tidak memenuhi syarat keimanan yang sebenar.

Konsep jihad dalam al-Quran, sebagaimana yang dihuraikan oleh para ulama, bersifat komprehensif dan tidak terhad kepada peperangan fizikal sahaja. Ia merangkumi jihad ilmu, jihad dakwah, jihad tarbiyyah, jihad ekonomi dan pelbagai bentuk perjuangan lain yang bertujuan meninggikan kalimah Allah dan mempertahankan nilai-nilai Islam (Hawwa, 1999).

Al-Tha'labi (2015) dalam tafsirnya, ayat ini menerangkan bahawa orang yang benar-benar beriman ialah mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dengan keimanan yang teguh serta bebas daripada sebarang keraguan. Mereka meyakini keesaan Allah, mengimani kenabian para rasul, dan berpegang penuh terhadap ajaran yang dianuti dengan penuh keikhlasan. Kebenaran iman tersebut dizahirkan melalui kesediaan mereka untuk berjihad dengan harta benda dan jiwa di jalan Allah. Golongan ini berbeza daripada individu yang memeluk Islam kerana paksaan, ketakutan terhadap ancaman, atau semata-mata mengharap keuntungan duniawi. Walaupun terdapat dalam kalangan orang Arab Badwi yang membuat pengakuan iman secara lisan, sama ada secara tersembunyi mahupun terbuka, Allah Subhanahu wa Taala Maha Mengetahui hakikat sebenar keimanan yang tersembunyi dalam hati mereka.

4.3 Bahaya Golongan Lemah Iman dalam Barisan Perjuangan

Al-Quran dengan jelas mengingatkan tentang bahaya kehadiran golongan yang lemah iman dalam barisan perjuangan. Firman Allah Subhanahu wa Taala:

لَوْ خَرَجُوا فِيكُمْ مَا زَادُوكُمْ إِلَّا خَبَالًا وَلَا وُضْعُوا خِلَالَكُمْ يَبْغُونَكُمُ الْفِتْنَةَ وَفِيكُمْ سَمْعُونُ لَهُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٤٧﴾

Terjemahan: Jika mereka keluar bersama kamu, mereka tidak akan menambah kepada kamu selain kerusakan, bahkan mereka akan bergerak di tengah-tengah kamu untuk menimbulkan fitnah, sedangkan di kalangan kamu ada yang mudah mendengar kata-kata mereka. (Q:S: At-Taubah, 9: 47).

Ayat ini memberikan amaran yang amat penting tentang pengurusan sumber manusia dalam barisan perjuangan. Ibn Kathir (2003) menjelaskan bahawa golongan munafik yang berkeadaan demikian akan menimbulkan kemudaratan dari dalam barisan, menyebabkan kecelaruan strategi dan melemahkan semangat perjuangan. Al-Quran bahkan menyatakan bahawa Rasulullah SAW diperintahkan agar tidak lagi menerima penyertaan golongan ini dalam sebarang ekspedisi selepas mereka menunjukkan sikap tersebut sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Taala di dalam al-Quran:

فَإِنْ رَجَعَكَ اللَّهُ إِلَى طَائِفَةٍ مِّنْهُمْ فَاسْتَأْذِنُوكَ لِلْخُرُوجِ فَقُلْ لَّنْ تَخْرُجُوا مَعِيَ أَبَدًا وَلَن تُقَاتِلُوا مَعِيَ عَدُوًّا إِنَّكُمْ رَضِيتُمْ بِالْقُعُودِ أَوَّلَ مَرَّةٍ فَاقْعُدُوا مَعَ الْخُلَفَاءِ ﴿٨٣﴾



Terjemahan : Maka jika Allah mengembalikan engkau kepada segolongan dari mereka (orang-orang yang munafik itu di Madinah), kemudian mereka meminta izin kepadamu untuk keluar (turut berperang), maka katakanlah: "Kamu tidak sekali-kali akan keluar bersama-samaku selama-lamanya, dan kamu tidak sekali-kali akan memerangi musuh bersama-samaku; sesungguhnya kamu telah bersetuju tinggal pada kali yang pertama, oleh itu duduklah kamu bersama-sama orang-orang yang tinggal" (Q.S. al-Taubah, 9: 83).

Al-Baghawi (1998) menyatakan bahawa golongan munafik tersebut tidak mendatangkan sebarang manfaat, bahkan hanya menambahkan kerusakan yakni keburukan dan kejahatan. Kerosakan ini bermaksud usaha untuk menimbulkan rasa takut dan kelemahan dalam kalangan orang-orang mukmin dengan membesar-besarkan bahaya dan kesukaran. Selain itu, mereka turut berperanan menimbulkan fitnah serta perpecahan dalam kalangan umat Islam, yang akhirnya melemahkan kekuatan saf perjuangan. Dalam hal ini, Al-Kalbi berpendapat bahawa fitnah yang dimaksudkan merujuk kepada kesusahan dan kejahatan manakala ad-Dahhak pula

berpendapat bahawa fitnah tersebut sebagai usaha menjerumuskan umat Islam ke dalam kesyirikan.

Implikasi ayat ini bagi umat Islam masa kini adalah keperluan untuk memastikan bahawa yang menggerakkan barisan perjuangan terdiri daripada individu-individu yang benar-benar bersemangat, ikhlas dan terlatih, bukan mereka yang hadir sekadar untuk kepentingan peribadi atau yang mudah kecundang apabila menghadapi cabaran.

4.4 Persediaan Kekuatan Fizikal dan Spiritual

Al-Quran menegaskan kepentingan persediaan kekuatan yang menyeluruh sebagai syarat untuk mencapai kemenangan. Firman Allah Subhanahu wa Taala:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ ۖ

Terjemahan: Dan persiapkanlah untuk menghadapi mereka segala kekuatan yang kamu mampu. (Q:S al-Anfaal, 8: 60).

Al-Tabari (2001) menjelaskan bahawa perkataan '*quwwah*' (kekuatan) dalam ayat ini bersifat umum dan merangkumi segala bentuk kekuatan yang diperlukan untuk menghadapi musuh. Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim pula mentafsirkan '*quwwah*' ini sebagai kemahiran memanah, yang pada zaman itu merupakan senjata perang yang paling efektif. Para ulama kontemporari mengaplikasikan tafsiran ini kepada konteks semasa dengan menyatakan bahawa 'kekuatan' tersebut meliputi kemajuan dalam bidang sains, teknologi, ekonomi, pendidikan dan ketenteraan (al-Qaradawi, 1994).

Menurut Al-Qushayrī (2009), persiapan untuk memerangi musuh adalah mengikut kepada had kemampuan yang ada daripada kekuatan dan kesempurnaannya tercapai apabila hati menjadi kuat dengan bergantung sepenuhnya kepada Allah. Dalam hal ini, manusia berbeza-beza. Ada yang kuat hatinya kerana janji kemenangan daripada-Nya. Ada juga yang kuat hatinya dengan keyakinan bahawa *al-Haqq* (Allah) sentiasa mengetahui keadaannya. Ada pula yang kuat hatinya kerana keyakinannya sehingga menyaksikan pertolongan daripada Allah Subhanahu wa Taala, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

وَأَصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ ۖ

Terjemahan: “Dan (dengan yang demikian) bersabarlah (wahai Muhammad) menerima hukum Tuhanmu (memberi tempoh kepada mereka), kerana sesungguhnya engkau tetap terselamat dalam pemuliharaan serta pengawasan Kami; dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu semasa engkau bangun”. (Q:S Al-Tur : 52:47)

Terdapat juga seseorang kuat hatinya dengan mengutamakan keredaan Allah Taala melebihi kehendak dan keinginannya sendiri, serta ada yang kuat hatinya dengan redha terhadap segala ketentuan dan apa sahaja yang dilakukan oleh Allah Subhanahu wa Taala ke atas dirinya. Beliau berkata bahawa cinta yang paling kuat atau tinggi pada diri seorang hamba terzahir apabila hamba itu bermujahadah dan melepaskan kebergantungan terhadap daya dan kekuatan diri. Selain kekuatan fizikal dan material, al-Quran turut menekankan kepentingan persediaan spiritual sebagaimana firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَاثْبُتُوا وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٥﴾

Terjemahan: 'Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan suatu pasukan (musuh), maka tetaplah teguh dan banyaklah mengingat Allah supaya kamu berjaya.' (Q:S. Al-Anfal, 8:45).

Persiapan rohani ini, menurut Hawwa (1999), memberikan kekuatan dalaman yang mendorong keberanian, keteguhan dan kesabaran ketika berhadapan dengan musuh. Kekuatan fizikal menurut al-Qaradhawi merupakan asas utama (al-asās), manakala kekuatan-kekuatan yang lain hanyalah sebagai penunjang (al-musā'id). Malah, menurut Sayyid Qutb, tidak ada sebarang kekuatan lain yang dapat menandingi kekuatan ini. Rasulullah SAW dan umat Islam telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu wa Taala pada peringkat awal perkembangan Islam agar memperkukuh dan mempertajam kekuatan ini melalui penurunan Surah al-Muzzammil dan Surah al-Muddaththir (Hanif, 2020).

4.5 Kejelasan Tujuan dan Matlamat Perjuangan

Al-Quran menegaskan bahawa perjuangan dalam Islam mesti mempunyai matlamat yang jelas dan murni, iaitu untuk meninggikan kalimah Allah dan menegaskan nilai-nilai kebenaran. Firman Allah Subhanahu wa Taala:

الَّذِينَ ءَامَنُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ﴿٧٦﴾

Terjemahan: Orang-orang yang beriman berperang di jalan Allah. (Q.S.al-Nisa', 4: 76).

Frasa *fi sabilillah* (di jalan Allah) yang berulang dalam al-Quran menandakan bahawa setiap bentuk perjuangan mesti diniatkan semata-mata untuk Allah, bukan untuk tujuan keduniaan. Al-Tabari (2001) menukikan pandangan Abu Ja'far berkaitan dengan berperang di jalan Allah Subhanahu wa Taala: "orang-orang yang membenarkan Allah dan Rasul-Nya, serta meyakini janji Allah kepada orang-orang yang beriman kepada-Nya, mereka itu berperang di jalan Allah; yakni dalam ketaatan kepada Allah, menurut

manhaj agama-Nya dan syariat yang telah Dia tetapkan untuk hamba-hamba-Nya.”

Seterusnya, *Sabilillah* (jalan Allah) bermaksud menyokong kebenaran dan menegakkannya, dengan meninggikan kalimah agama dan menyebarkan dakwahnya, serta mempertahankan diri daripada musuh apabila mereka mengancam umat kita, mencerooboh tanah air kita, merampas harta kita, atau menghalang kita daripada menggunakan hak-hak kita dalam urusan sesama manusia (Al-Maraghi, 1946).

Kejelasan matlamat ini bukan hanya penting dari sudut aqidah, bahkan turut mempunyai implikasi praktikal yang besar. Pejuang yang jelas dengan matlamatnya akan lebih bersemangat, lebih tekun dan lebih sanggup berkorban. Sebaliknya, mereka yang berjuang atas dasar kepentingan peribadi, kumpulan atau bangsa semata-mata akan mudah berputus asa apabila kepentingan mereka tidak terpenuhi (Qutb, 2000).

4.6 Kesatuan dan Disiplin dalam Barisan Umat

Al-Quran sangat menekankan kepentingan kesatuan dan disiplin dalam barisan perjuangan. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Saf, ayat 4:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَّرْصُورٌ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang di jalan-Nya dalam satu barisan seolah-olah mereka seperti bangunan yang tersusun kukuh. (Q.S.as-Saff, 61: 4).

Metafora 'bangunan yang tersusun kukuh' (*bunyanun marsus*) dalam ayat ini amat bermakna. Al-Maraghi (1946) menjelaskan bahawa bangunan yang kukuh dicirikan oleh unsur-unsurnya yang saling melengkapi dan menyokong antara satu sama lain, tiada jurang dan tiada kelemahan. Inilah gambaran ideal barisan umat Islam yang dikehendaki oleh al-Quran.

Tabari (2001) menerangkan bahawa ayat ini menjelaskan keadaan orang-orang yang berperang di jalan Allah dan agama-Nya yang Dia menyeru kepadanya untuk melawan musuh-musuh Allah dalam barisan yang tersusun rapi. Firman-Nya yang menyebut “seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh” membawa maksud suatu barisan yang benar-benar teratur, di mana kedudukan mereka diibaratkan seperti dinding-dinding bangunan yang dirapatkan dengan kuat, diperelok, dan diperkemaskan pembinaannya sehingga tidak meninggalkan sebarang ruang kosong di antaranya. Tambahan pula, ada sebahagian ulama menyatakan bangunan itu dibina dengan timah (atau bahan yang melekat dan menguatkan). Sehubungan dengan itu, makna ayat ini menegaskan bahawa Allah Subhanahu wa Taala mencintai hamba-hamba-Nya yang tetap teguh dalam jihad di jalan-Nya serta berpegang kuat

pada kedudukannya seumpama keteguhan sesebuah bangunan. Perkara ini selaras dengan pandangan Sa'īd bin Jubayr yang menyifatkan ayat tersebut sebagai suatu pengajaran daripada Allah Subhanahu wa Taala kepada orang-orang beriman mengenai tatacara dan disiplin yang seharusnya diamalkan ketika berhadapan dengan musuh (Qurtubi, 1964).

Al-Quran turut memberi amaran keras terhadap perselisihan dan perpecahan sebagaimana firman-Nya:

وَلَا تَنَزَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصِيرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Terjemahan : 'Dan janganlah kamu berselisih sehingga kamu menjadi lemah dan hilang kekuatan kamu. Bersabarlah, sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar.' (Q.S. al-Anfal, 8:46).

Penyelesaian kepada sebarang perselisihan dikembalikan kepada al-Quran dan Sunnah sebagaimana yang digariskan dalam firman Allah Taala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Terjemahan : Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. (Q.S. Surah al-Nisa', 4:59).

4.7 Keyakinan terhadap Janji Kemenangan Allah

Al-Quran memberikan jaminan yang kukuh bahawa Allah Subhanahu wa Taala akan memberikan pertolongan dan kemenangan kepada mereka yang benar-benar menolong agama-Nya. Sebagaimana firman Allah Taala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ تَنْصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (ugama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu (Q.S. Muhammad, 47: 7).

Janji Allah ini bersifat pasti dan tidak berubah. Ibn Kathir (2003) menjelaskan bahawa janji kemenangan ini tidak bergantung kepada kekuatan

bilangan atau senjata, tetapi kepada syarat yang disebut dalam ayat itu sendiri, iaitu benar-benar menolong agama Allah. Apabila syarat ini dipenuhi, pertolongan Allah pasti datang, sama ada dalam bentuk yang dijangkakan mahupun yang di luar jangkaan. Menurut al-Qaradawi (1994), keyakinan terhadap janji Allah Taala ini penting bagi mengekalkan semangat dan ketabahan pejuang dalam menghadapi cabaran, tekanan dan kekalahan sementara. Ia adalah bekalan spiritual yang tidak ternilai.

Perkara ini turut ditekankan oleh al-Qurṭubī (1964) yang menjelaskan bahawa maksud “menolong Allah” ialah menolong agama-Nya, dan dengan sebab itu Allah akan mengurniakan pertolongan kepada orang-orang beriman dalam menghadapi orang-orang kafir. Yang seumpama dengannya ialah firman-Nya:

وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

Terjemahan: “Dan sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya.” (Q.S. al-Hajj, 22: 40).

Menurut al-Qurṭubī juga, lafaz “*dan meneguhkan tapak pendirian kamu*” merujuk kepada peneguhan ketika peperangan, di samping ditafsirkan sebagai peneguhan di atas Islam atau peneguhan di atas sirāt. Ia juga difahami sebagai peneguhan hati dengan rasa aman, yang secara kiasan menggambarkan kemenangan dan pertolongan Allah di medan perjuangan.

Ibn ‘Āshūr (1984) menjelaskan bahawa maksud “dan meneguhkan tapak pendirian kamu” merupakan suatu perumpamaan yang menggambarkan keyakinan dan ketiadaan kelemahan, seperti keadaan seseorang yang kakinya tetap terpancang di bumi dan tidak tergelincir. Tergelincirnya kaki menjadikan satu lambang kepada kelemahan yang membawa kepada kejatuhan. Oleh sebab itulah, keadaan seperti kekalahan, kegagalan, dan kesalahan sering diumpamakan dengan tergelincirnya kaki.

Hal ini sebagaimana dinyatakan dalam firman Allah Subhanahu wa Taala:

وَلَا تَتَّخِذُوا أَيْمَانَكُمْ دَخَلًا بَيْنَكُمْ فَتَزِلَّ قَدَمٌ بَعْدَ ثُبُوتِهَا وَتَذُوقُوا السَّوْءَ بِمَا

صَدَدْتُمْ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَلَكُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٩٤﴾

Terjemahan: Dan janganlah kamu jadikan sumpah kamu sebagai tipu daya sesama kamu, kerana dengan yang demikian itu akan menyebabkan tergelincir kaki kamu sesudah ia tetap teguh (di atas jalan yang benar); dan kamu pula akan merasai balasan buruk (di dunia) dengan sebab kamu menghalangi

manusia dari jalan Allah; dan bagi kamu juga disediakan azab yang besar (di akhirat kelak)” (Q.S.an-Nahl, 16: 94).

4.8 Tawakal sebagai Penutup Jalan Kemenangan

Kepentingan tawakal sebagai asas terakhir dalam manhaj kemenangan menurut al-Quran dapat difahami melalui peristiwa Perang Hunain yang dirakamkan dalam Surah al-Taubah yang penuh dengan pengajaran mendalam. Firman Allah Subhanahu wa Taala:

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنْكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٩٥﴾ ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَنْزَلَ جُنُودًا لَمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَذَلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ ﴿٩٦﴾

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak medan-medan perang dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai; maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikitpun; dan (semasa kamu merasa) bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu; kemudian kamu berpaling undur melarikan diri. Kemudian Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman, dan Allah menurunkan tentera yang kamu tidak melihatnya, serta Ia menyeksa orang-orang kafir itu (dengan kekalahan yang membawa kehancuran); dan yang demikian itu ialah balasan bagi orang-orang yang kafir. (Q.S.al-Taubah, 9: 25-26).

Asas terakhir dalam manhaj kemenangan al-Quran ialah tawakal yang penuh kepada Allah Subhanahu wa Taala. Pengajaran penting dalam hal ini diperoleh daripada peristiwa Perang Hunain yang diabadikan dalam Surah al-Taubah, ayat 25-26, di mana kaum Muslimin yang berbangga dengan jumlah mereka yang ramai akhirnya mengalami kekeliruan sebelum Allah Subhanahu wa Taala menurunkan pertolongan-Nya.

Peristiwa Hunain mengajar bahawa kekuatan material dan bilangan semata-mata tidak menjamin kemenangan. Al-Quran menegaskan bahawa faktor penentu kemenangan yang hakiki adalah pertolongan Allah, dan ia hanya datang kepada mereka yang bertawakal kepada-Nya setelah melakukan segala persiapan yang diperlukan. Ini selaras dengan kaedah fiqh yang masyhur: 'Bertawakallah kepada Allah setelah mengambil segala sebab.'

Dalam kajian Rafi (2023), tawakal secara etimologi bermaksud penyerahan diri kepada Allah Subhanahu wa Taala. Manakala secara terminologi, dalam Ihyā Ulūm al-dīn Al-Gazālī menjelaskan bahawa tawakal ialah sikap menyerahkan diri sepenuhnya kepada Tuhan, iaitu Allah, ketika seseorang berhadapan dengan suatu keperluan. Tawakal juga bermaksud berpegang teguh kepada-Nya ketika ditimpa kesulitan, bersikap teguh dan tabah apabila menghadapi musibah, serta disertai dengan ketenangan jiwa dan ketenteraman hati.

5. Kesimpulan

Berdasarkan analisis terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema kemenangan, kajian ini telah berjaya mengenal pasti lapan asas utama yang membentuk manhaj al-Quran dalam melakar jalan menuju kemenangan. Asas-asas tersebut ialah: (1) iman yang benar disertai pengorbanan jiwa dan harta; (2) jihad sebagai manifestasi dan bukti keimanan yang tulus; (3) pengurusan barisan dengan menjauhkan unsur-unsur yang lemah iman; (4) persediaan kekuatan fizikal dan spiritual yang komprehensif; (5) kejelasan tujuan perjuangan yang berasaskan nilai-nilai ilahi; (6) kesatuan dan disiplin dalam barisan umat; (7) keyakinan yang teguh terhadap janji kemenangan Allah; dan (8) tawakal yang penuh kepada Allah Subhanahu wa Taala setelah mengambil segala usaha dan langkah yang diperlukan.

Kajian ini mendapati bahawa asas-asas ini bukan berdiri secara berasingan, bahkan membentuk satu sistem yang saling bergantung dan melengkapi. Kecuaian terhadap mana-mana satu asas akan menjejaskan keseluruhan sistem. Ini menunjukkan bahawa al-Quran mengemukakan suatu pendekatan yang holistik dan menyeluruh terhadap persoalan kemenangan umat Islam.

Kajian ini mempunyai implikasi penting bagi umat Islam masa kini, khususnya dalam merancang strategi kebangkitan dan pemeraksanaan ummah. Para pemimpin, pendidik dan pejuang Islam perlu merujuk kembali kepada manhaj al-Quran ini sebagai kompas dalam setiap langkah perjuangan mereka. Kajian lanjutan dicadangkan untuk menganalisis bagaimana asas-asas ini diaplikasikan dalam konteks sejarah perjuangan umat Islam serta relevan dalam menghadapi cabaran-cabaran kontemporari.

Rujukan

Abdul Halim Mahmood (1990), *Al Ibadah Ahkam Wa Asrar*, Dar Kitab al Nubnani.
al-Baghawi, A. M. al-Ḥ. ibn M. ibn al-Farrā' (1999). *Ma'ālim al-tanzīl fī tafsīr al-Qur'ān* (Tahqīq: 'Abd al-Razzāq al-Mahdī, Cet. 1, Jil. 1–5). Beirut, Lubnan: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabī.

- Al-Baydawi, N. al-D. A. S. 'A. b. 'U. b. M. al-Shirazi. (1998). *Anwar al-tanzil wa asrar al-ta'wil* (M. 'Abd al-Rahman al-Ma'rashli, Ed.). Beirut, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Farmawi, A. H. (1977). *Al-Bidayah fi al-Tafsir al-Mawdu'i: Dirasah Manhajiyyah Mawdu'iyyah*. Matba'ah al-Hadarah al-'Arabiyyah.
- Al-Maraghi, A. M. (1946). *Tafsir al-Maraghi* (Jil. 1-30). Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Qaradawi, Y. (1994). *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah li Ahkamih wa Falsafatihi fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah* (Ed. ke-2). Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubī, M. b. A. al-Anṣārī. (1964). *Al-jāmi' li-ahkām al-Qur'ān* (A. al-Bardūnī & I. Aṭfīsh, Eds.; Edisi ke-2, Jld. 1–20). Kaherah, Mesir: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Qushayrī, 'A. K. ibn H. ibn 'A. (2009). *Laṭā'if al-ishārāt (Tafsīr al-Qushayrī)* (I. al-Basyūnī, Ed.; Edisi ke-3). Kaherah, Mesir: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah lil-Kitāb.
- Al-Ṭabarī, M. b. J. (2001). *Jāmi' al-bayān 'an ta'wīl āy al-Qur'ān* (A. b. 'A. al-Turkī, Ed.; Edisi pertama, Jld. 1–26). Kaherah, Mesir: Dār Hajr li-l-Ṭibā'ah wa-l-Nashr wa-l-Tawzī' wa-l-I'lān.
- Al-Tabari, M. J. (2001). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Quran* (Jil. 1-26). Dar Hijr.
- Dahlia, D., Berliani, I., Choirina, A., Annisa, M., & Wismanto, W. (2024). Menafsirkan kunci kesuksesan dari Al-Quran. *Jurnal Manajemen Dan Pendidikan Agama Islam*, 2(2), 14-26.
- Hanif, R. (2020). *Penafsiran Quwwah Dalam Surat Al-Anfal Ayat 60 (Studi Tafsir Al-Misbah)* (Doctoral dissertation, IAIN Bengkulu).
- Hanifah, N. (2024). Metodologi Tafsir Tematik. *Jurnal Al-Mubarak: Jurnal Kajian Al-Quran dan Tafsir*, 9(2), 71-83. <https://journal.uiid.ac.id/index.php/al-mubarak/article/view/3313/1367>
- Hasanusi, C. N. H. C., & Osman, K. Manhaj Dan Strategi Dakwah Nabi Ibrahim As Dalam Al-Quran.
- Hawwa, S. (1999). *Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah* (Ed. ke-3). Dar al-Salam.
- Ibn Ashur, M. al-Ṭāhir. (1984). *Al-Taḥrīr wa al-tanwīr: Taḥrīr al-mā'nā al-sadīd wa tanwīr al-'aql al-jadīd min tafsīr al-kitāb al-majīd* (Jilid 1–30). Tunis: Al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nashr.
- Ibn Kathir, I. U. (2003). *Tafsir al-Quran al-'Azim* (Jil. 1-8). Dar Taybah.
- Lutfiyah, L., & Khuluq, M. S. (2023). Al-Manhaj Dan Al-Ṭariq Dalam Metodologi Tafsir. *Al Furqan: Jurnal Ilmu Al Quran Dan Tafsir*, 6(1), 119-135.
- Nazhifah, D., & Karimah, F. I. (2021). Hakikat Tafsir Mawdu'i dalam al-Quran. *Jurnal Iman Dan Spiritualitas*, 1(3), 368-376.
- Pohan, M. (2024). *Menyingkap Makna Kemenangan Hakiki Telaah Tipologi Dan Kajian Tafsir Tematik Dalam Al-Quran* (Doctoral dissertation, UIN Suska Riau).
- Qutb, S. (2000). *Fi Zilal al-Quran* (Jil. 1-6). Dar al-Shuruq.
- Rafi, M. (2023). *Konsep Tawakal dan Implikasinya Terhadap Perilaku Seseorang Perspektif Abū Ya'lā Al-Farrā' (Studi Literatur Kitāb Al-Tawakkul)* (Doctoral dissertation, Pascasarjana).